

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**AMANAT NAIB CANSELOR 2024**

MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN  
MENGGAPAI KE LANGIT, BERPIJAK DI BUMI



اوپیورسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## (Pembuka kata)

1. Alhamdulillah, saya merafakkan tahmid kesyukuran ke hadrat Illahi, dengan limpah dan kurniaan-Nya mengizinkan berlakunya perhimpunan kita pada hari ini. Perhimpunan hari ini amatlah signifikan dalam mencorakkan kejayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka kearah yang lebih gemilang bagi tahun 2024.
2. Tahun 2023 telah pun berlalu meninggalkan kita. Terdapat pelbagai suka-duka yang telah kita lalui sepanjang tahun tersebut. Walaubagaimapun ianya merupakan satu proses yang perlu kita lalui untuk memperbaiki, mematangkan seterusnya menjadikan kita insan yang lebih baik.

## PENCAPAIAN TAHUN 2023

- 
- 
3. Berbekalkan azam dan aspirasi “**Menjajar Universiti Melonjak Ke Hadapan, Menjulang Visi Memadani Malaysia**” tahun 2023 telah menyajikan pelbagai ceritera manis dan kejayaan yang telah kita peroleh yang ingin saya kongsikan kepada kita semua pada hari ini.
  4. Antaranya adalah peningkatan yang sangat membanggakan dari segi enrolmen pelajar baru ke Program Ijazah Sarjana Muda. UTeM telah **mencatatkan bilangan pelajar mendaftar seramai 3,167 orang pelajar melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 3,097 orang (102% kemasukan berbanding unjuran rasmi).**
  5. Bilangan ini adalah yang tertinggi dalam sejarah pengambilan pelajar baru di UTeM dan untuk pengambilan kali ini, ianya merupakan pengambilan tertinggi di kalangan MTUN lain.
  6. UTeM juga telah berjaya membuktikan bahawa kita mempunyai penyelidik bertaraf amtarabanga apabila 5 orang penyelidik UTeM telah disenaraikan sebagai **World's Top 2% Scientist List by Stanford University**. Oleh yang demikian, saya mohon untuk

penyelidik-penyalidik tersebut bangun dan kita sama-sama berikan satu tpuukan gemuruh kepada mereka:

- I. Dr. Iskandar bin Waini (FTKIP)
  - II. Dr. Naiyah Safwa binti Khashi'e (FTKM)
  - III. Dr. Ridhwan bin Jumaidin (FTKIP)
  - IV. Dr. Nurul Amira binti Zainal (FTKM)
  - V. Dr. Ahmed Jamal Abdullah Al-Gburi (FTKEK)
7. Tahniah diucapkan kepada anda semua. Semoga pencapaian ini dikekalkan dan menjadi contoh kepada pensyarah-pensyarah lain.
8. Bukan itu sahaja, bagi tahun 2023, **peratusan kebolehpasaran graduan (GE) UTeM merupakan tertinggi yang pernah dicatatkan iaitu 96.4%**. UTeM juga telah mencatatkan **peratusan kebolehpasaran graduan (bekerja) bagi Ijazah Sarjana Muda sebanyak 87.8%** iaitu di tempat kedua di kalangan Universiti Awam di belakang UPNM dan merupakan yang tertinggi di kalangan MTUN.
9. Saya mengharapkan melalui program-program yang telah kita jalankan seperti TVET Place & Train UTeM@KPT, peratusan kebolehpasaran graduan ini akan mencapai kepada 100%.
10. Bagi pengurusan sumber manusia, seramai **80 lantikan baru** telah dilakukan bagi sepanjang tahun 2023 yang terdiri daripada 38 orang ahli akademik, 18 dari kumpulan pengurusan dan profesional dan 24 orang pelaksana. Saya mohon mereka yang baru dilantik bagi tahun 2023 berdiri.
- Dimulakan dengan 38 orang ahli akademik seperti yang di paparkan dalam slaid
- Saya mohon 18 orang dari Kumpulan pengurusan dan profesional untuk bangun
- Dan yang terakhir saya mohon 24 orang dari Kumpulan pelaksana

11. Bukan itu sahaja, **184 orang staf telah berjaya dinaikkan pangkat** bagi tahun 2023 di mana 64 adalah terdiri daripada ahli akademik, 24 pengurusan dan profesional dan 96 orang dari kumpulan pelaksana. Saya mohon staf-staf yang telah dinaikkan pangkat bagi sepanjang tahun 2023 untuk berdiri.

- Dimulakan dengan 64 orang ahli akademik
- Saya mohon 24 dari Kumpulan pengurusan dan profesional untuk berdiri
- Saya minta 96 orang dari Kumpulan pelaksana untuk berdiri

12. Bukan itu sahaja bagi tahun 2023, seramai **14 orang staf kontrak telah berjaya ditetapkan**. Saya mohon staf-staf tersebut seperti dalam paparan slaid untuk berdiri.

13. Jumlah ini membuktikan bahawa UTeM sangat menitikberatkan kemajuan karier staf dan sentiasa memenuhi keperluan sumber manusia selaras dengan pembangunan UTeM yang saban hari semakin meningkat.

14. Dari segi kewangan pula, Alhamdulillah tahun 2023 telah menyaksikan **peningkatan penjanaan sebanyak RM64.53 juta berbanding RM54.71 juta pada tahun 2022, peningkatan hampir 18%**. Peningkatan jumlah ini adalah hasil usaha daripada semua pihak di UTeM yang menyahut seruan daripada kerajaan dalam usaha untuk menjana.

15. Peningkatan penjanaan ini telah membuktikan bahawa dalam kita berbelanja untuk memastikan operasi UTeM dapat berjalan lancar dan terus maju ke hadapan, kita masih mengambil inisiatif untuk menampung perbelanjaan tersebut dengan aktiviti penjanaan. Saya mengharapkan bahawa usaha penjanaan ini diteruskan lagi pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang.

16. Dari segi penarafan, saya rasa semua di sini telah sedia maklum bahawa terdapat pelbagai penarafan yang membanggakan telah kita peroleh sepanjang tahun 2023. Antaranya adalah:

- I. Buat pertama kalinya dalam sejarah, UTeM telah disenaraikan dalam **QS World University Rankings 2024 dengan kedudukan 1202-1400**
- II. UTeM telah berjaya menduduki **kedudukan 106 daripada 1183 universiti seluruh dunia sebagai Universiti Lestari dan Hijau dalam penarafan UI Green Metric World University Ranking 2023** sekaligus meletakkan UTeM di kedudukan 5 universiti terbaik di Malaysia dalam pengurusan Kampus Lestari dan Hijau

17. Jika ingin disebutkan satu per satu kejayaan kita sepanjang tahun 2023 saya rasa sesi pada hari ini akan memerlukan masa yang lebih panjang. Secara rumusannya, 2023 telah menyaksikan pelbagai ‘success story’ yang telah berjaya kita kecapi sebagai sebuah keluarga UTeM.

18. Ini membuktikan bahawa **UTeM boleh melakukan apa yang tidak pernah dilakukan sebelum ini**. Jangan berkata tidak sebelum mencuba. Insyaallah langkah pertama yang positif akan sentiasa diiringi berkat dan rahmat dari Allah s.w.t. Kejayaan yang diperoleh ini tidak akan dapat dicapai tanpa kesepaduan daripada warga UTeM. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan.

#### **APRESIASI KEPADA SEMUA KAKITANGAN UTeM ATAS KEJAYAAN TVET PLACE & TRAIN UTeM@KPT**

Warga UTeM yang dihormati sekalian,

19. UTeM memulakan lonjakan menggunung sebaik sahaja memasuki tahun 2024 dengan kejayaan UTeM atas pelaksanaan Program

TVET Place & Train UTeM@KPT yang telah berlangsung pada 16 Januari yang lepas.

20. Buat pertama kalinya, program yang dilaksanakan oleh UTeM berjaya membawa **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia sebagai perasmian**.
21. Bukan itu sahaja, program ini juga berjaya **menarik kehadiran lebih 50 syarikat multinational gergasi yang diwakili oleh 'key-person' daripada syarikat-syarikat tersebut**.
22. Impaknya, kita berjaya bawakan **penawaran lebih 20,000 penempatan pekerjaan yang mana kebanyakannya adalah penawaran pekerjaan bergaji premium**.
23. Saya cukup berbangga dengan kerjasama yang utuh diberikan kepada semua yang menyumbang kearah kejayaan ini tidak kira ia ianya sumbangan terus melalui menjadi AJK perlaksanaan program ataupun dengan komitmen kehadiran ke dewan pada waktu tersebut.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

24. Terima kasih kepada:
  - I. Team JELITA untuk JELITA UTeM@KPT,
  - II. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) untuk UTeM-Industrial Playground,
  - III. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) untuk Industry-MTUN Cybersecurity Consortium,
  - IV. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) untuk National Industrial Career Expo (NICE@UTeM), dan
  - V. seterusnya kepada seluruh warga UTeM, berikan tepukan gemuruh untuk kita semua.

- 25.Untuk makluman semua, program ini telah banyak memberi impak dari aspek promosi dan keternampakan (visibility) terhadap UTeM. Kita telah mendapat lebih **50 liputan media melibatkan media arus perdana dan media alternatif**. Secara tidak langsung ianya membantu mempromosikan UTeM sebagai “*Champion TVET*” dan mengalakkan kemasukan lebih ramai pelajar ke univeristi ini.
- 26.Penganjuran program ini juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa UTeM serius dalam **memartabatkan TVET sebagai satu agenda di peringkat kebangsaan** selaras dengan seruan Majlis TVET Negara yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
- 27.Selain dari itu, TVET Place and Train UTeM@KPT secara tidak langsung membantu **mempromosi Melaka sebagai sebuah negeri yang memberi penekanan terhadap TVET** selari dengan amanat YAB Ketua Menteri Melaka pada 12 Januari yang lalu.
- 28.Dari segi sumbangan terhadap masyarakat, sudah semestinya dengan penawaran lebih daripada 20,000 penempatan pekerjaan melalui program tersebut, ianya akan dapat **membantu memperbaiki taraf hidup masyarakat setempat**.
- 29.Jadi tidak lah keterlaluan untuk saya menyatakan bahawa program TVET Place & Train UTeM@KPT merupakan satu program berimpak besar yang memberi kesan terhadap pelbagai pihak secara langsung maupun tidak langsung. Saya mengharapkan UTeM akan dapat menganjurkan lebih banyak program seperti ini di masa akan datang.
- 30.Melalui penganjuran program ini, terdapat pelbagai perkara yang ingin saya tekankan. Pertama adalah **kerjasama sebagai satu pasukan atau “Team-Work”**. Dalam menjayakan program berskala besar ini, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing.

31. Program ini tidak akan berjaya sekiranya hanya satu pihak sahaja yang bersungguh-sungguh tanpa mendapat kerjasama daripada pihak yang lain. Pihak-pihak yang telah saya sebutkan sebentar tadi bersama dengan Pejabat Pengurusan Pembangunan, dan Pejabat Pengurusan Fasiliti dengan di kordinasi oleh Pejabat U-Globe telah menunjukkan bahawa dalam masa yang singkat UTeM mampu untuk menganjurkan program berimpak tinggi ini.
32. Secara tidak langsung ini menjawab kepada **budaya kerja baru yang disarankan oleh PMX** iaitu “*Speed*” tanpa mengabaikan kualiti.
33. Bukan itu sahaja, **elemen kawalan atau “Control Mechanism”** juga adalah aspek yang telah ditunjukkan sewaktu penganjuran program tersebut. Walaupun penganjuran program ini melibatkan pelbagai perkara, namun melalui pemantauan yang rapi, segala urusan dari segi protokol, pengurusan industri dan aturcara majlis dapat berjalan dengan lancar. Sebagai hasilnya, walaupun dalam jangka masa yang singkat, program dapat berjalan dengan kesilapan yang sangat minimum.
34. Untuk makluman semua, antara perkara yang membimbangkan saya berkenaan dengan penganjuran TVET Place & Train UTeM@KPT adalah penyertaan industri. Segala jemputan yang dilakukan adalah secara di saat akhir. Risiko untuk industri tidak menerima jemputan bagi membuka booth pada hari tersebut adalah sangat tinggi.
35. Walaubagaimanapun, Alhamdulillah lebih daripada 50 industri telah hadir bersama dengan ‘key-person’ mereka. Bukan itu sahaja, program tersebut juga turut dihadiri oleh ‘key-person’ kerajaan negeri Melaka. Ini membuktikan bahawa **hubungan yang baik bersama industri dan kerajaan negeri** adalah sangat penting dalam memastikan UTeM dapat terus bergerak ke hadapan.


36. Rumusannya, program ini telah menyuburkan lagi keyakinan saya terhadap warga UTeM, bahawa kakitangan-kakitangan kita sebenarnya benih yang baik, yang boleh menjadi pulau jika jatuh ke laut. Syabas dan tahniah sekali lagi.

## **MENGGAPAI KE LANGIT, BERPIJAK DI BUMI**

Saudara dan saudari sekalian,

### **MENGGAPAI KE LANGIT**

37. Dalam amanat Wacana Pelaksanaan Strategi KPT pada 05 Januari 2024, YAB Perdana Menteri, Dato Seri Anwar Ibrahim merencahkan ucapannya yang menatijahkan hakikat keutamaan kita sebagai **satu rakyat yang berakar budaya**. Dalam ghairah melonjak ke puncak kemajuan, tangan menjulang kearah kecanggihan langit, namun kaki teguh di bumi, bersandar pada nilai, budaya, dan jati diri Malaysia yang utuh.



38. Kita di UTeM sentiasa berpegang teguh kepada prinsip ini kerana dalam mencapai sesuatu kita perlukan tapak untuk berdiri. Jika tidak, usahkan menggapai langit, bangun pun asyik tersungkur sahaja jika tidak kita berpijak di bumi yang nyata.

39. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada semua warga UTeM untuk terus bangun berpaksikan kepada "**Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan, Menggapai ke Langit Berpijak di Bumi**".

40. Bagi hasrat “menggapai ke langit”, esensi utama yang ingin saya tekankan di sini adalah pembentukan **“otak dan watak”**. Ini adalah selaras dengan landasan 1 Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 yang memberi penekanan kepada kecemerlangan akademik dan keterpujian sahsiah.
41. Dalam memastikan UTeM berdaya maju, segala pencapaian bukanlah berteraskan kepada perkembangan ilmu semata-mata, tetapi juga turut mengambil kira **pembentukan karakter, pemurnian adab dan akhlak serta pengukuhan integriti**. Ini perlu diterapkan bukan sahaja di kalangan staf, tetapi juga kepada para pelajar UTeM.
42. Bukan itu sahaja, budaya watan perlu diterapkan dari segala aspek dalam melahirkan bakat negara bercirikan **“Excellence with Soul”**. Ini adalah dalam memastikan jati diri yang kuat di kalangan warga UTeM tidak kira di kalangan staf maupun pelajar.
43. Kejayaan dan kecemerlangan yang diperoleh perlu **di akar umbikan kepada asal dan usul serta nilai kemanusian**. Ini adalah untuk memastikan ke mana pun hala tuju warga UTeM dan juga pelajar selepas ini, mereka akan berpaksikan kepada nilai kemanusian, etika dan moral yang telah disemai sejak mereka dilahirkan.
44. Bagi tujuan tersebut, saya ingin menekankan 5 aspek budaya yang perlu diterapkan di UTeM iaitu:
- Speed
  - Dynamic
  - Responsive
  - Positive
  - Resilience & Perseverance

45. *Speed* (Kepantasan):

- Dalam konteks budaya kerja baru di universiti, kelajuan menjadi mercu tanda yang menandakan kecekapan dan kecekapannya.
- “Bertangguh itu pencuri masa” maka kita ubahkan budaya ini kepada amalan kerja yang tidak bertangguh.
- *In the new world, it is not the big fish which eats the small fish, it's the fast fish which eats the slow fish* (Klaus Schwab)
- Contoh: Penganjuran TVET Place & Train UTeM@KPT

46. *Dynamic* (Dinamik):

- Budaya dinamik di universiti menggambarkan kebolehan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku.
- Beradaptasilah dengan fleksibiliti supaya budaya kerja kita di UTeM akan sentiasa melonjak kearah perubahan yang positif.
- Budaya Dinamisme inilah yang bakal menjadi nafas, mengikat jiwa-jawa kakitangan UTeM yang bergerak seiring arus misi dan visi universiti.
- Dengan ledakan perubahan sosial dan teknologi, universiti perlu bersedia bertransformasi dan mengeksplorasi inovasi dalam penyampaian ilmu, penyelidikan, dan pengurusan untuk memenuhi kehendak pelajar dan masyarakat

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

47. *Responsive* (Responsif):

- Dalam kebejatan dunia digital dan global, responsif menjadi nilai yang tinggi untuk diadaptasi dalam budaya kerja yang baru.
- Universiti perlu cepat bertindak terhadap perubahan keperluan pelajar, trend industri, dan permintaan masyarakat.
- Kepakaan dan kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan dinamika luaran menjadikan universiti kita sebagai wadah pengeluaran graduan yang komprehensif.

48. *Positive* (Positif):

- Budaya positif di universiti mewujudkan persekitaran yang membangkitkan semangat pencapaian.
- Di sini, setiap cabaran dianggap sebagai peluang pembelajaran, dan setiap usaha dihargai sebagai langkah ke arah keunggulan.
- Sikap positif ini menjadikan kita tidak rebah dengan kata-kata, tidak lut dengan karenah manusia
- Mulakan setiap tugas yang diterima dengan mindset ‘Boleh’

49. *Resilience & Perseverance* (Ketahanan):

- Keupayaan untuk menghadapi ketidakpastian dan rintangan adalah inti dari daya tahan universiti.
- Dalam dunia yang serba cepat berubah, kecekapan untuk bangkit selepas krisis dan mengekalkan kualiti pendidikan adalah titik tolak utama.
- Daya tahan universiti menggambarkan ketahanan terhadap tekanan dan ketidakpastian, menjadikannya institusi yang mantap dan relevan.
- Kepayahan yang dilalui merupakan satu cabaran dalam membina jati diri yang kukuh seterusnya menjadikan kita individu yang lebih kuat di masa akan datang
- Budayakan amalan ‘sekiranya jatuh, bangun semula’. Jangan terus terjatuh dan mengalah

50. Kesemua 5 budaya ini membawa kesan positif terhadap pembangunan insan dan prestasi universiti, menjadikan kita satu komuniti yang mampu mengejar kecemerlangan dengan keyakinan dan semangat yang membara.

51. Secara analoginya, dalam fizik, Hukum Kedua Newton menyatakan bahawa untuk mengubah gerak objek, kita perlu memberikan daya pada objek tersebut. Daya ini akan menyebabkan perubahan pecutan objek, dan sebarang perubahan pecutan akan menghasilkan perubahan dalam gerakan objek tersebut.

52. Maka begitulah juga dalam organisasi, perlunya daya untuk mengubah ekosistem berteraskan *Speed, Dynamic, Responsive, Positive, Resilience* dan *Perseverance* ini.

53. Seiring dengan Surah Ar-Ra'd (13:11) dalam Al-Quran yang membawa maksud "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka sendiri yang mengubah keadaan yang ada pada diri mereka.

### **Pemerkasaan Mahasiswa:**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

54. Selaras dengan landasan ke-3 dalam **20 Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 yang digarisbawahi** Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, iaitu **kemenjadian pelajar dan mahasiswa, UTeM bersedia menyalurkan kepelbagaian platform inisiatif dalam melahirkan mahasiswa bitara.**

55. Generasi mahasiswa kini tidak hanya mendambakan kemandirian, tetapi juga menuntut kebebasan untuk mengambil inisiatif serta membuat keputusan yang membentuk arah tujuan hidup mereka.

56. Sejajar dengan evolusi ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melalui platform Pejabat Hal Ehwal Pelajar gigih merangka solusi yang terbaik dalam memastikan kemenjadian pelajar ini berjaya dikecapi antaranya dengan **memberi autonomi kepada MPP bagi meluluskan kertas kerja oleh para pelajar yang lain.**

## **Pengantarabangsaan:**

57. Selain itu, UTeM bergerak seiring dengan landasan ke-15 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), iaitu 'Menuju Proses Pengantarabangsaan'.
58. Ke arah ini, UTeM telah merangka strategi pengantarabangsaan yang menyeluruh, yakni bukan sekadar destinasi pelajar antarabangsa, malah sebagai **pusat ilmu sejagat yang mengumpulkan bakat-bakat penyelidik dan saintis dari serata rantau dan dunia**.
59. Sejauh tahun 2023, pencapaian gemilang telah diraih dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan universiti ternama dari pelbagai negara seperti:
- I. Heilongjiang Agricultural Economy Vocational College, China
  - II. Ali Baba Taobao, China
  - III. Shibaura Institute of Technology, Jepun
  - IV. Liverpool John Moores University, United Kingdom
  - V. Universiti Muhammadiyah, Surakarta dan banyak lagi
60. Langkah seterusnya adalah perancangan **untuk menggiatkan kerjasama bersama UAE dan China** dalam rangkaian pengantarabangsaan UTeM kerana faktor potensi dalam program pesisir.
61. Pelaksanaan MOU dan **pertemuan dengan alumni di UAE** yang akan dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini adalah langkah proaktif yang membuktikan kesungguhan universiti untuk mengekalkan hubungan yang kukuh dengan diaspora UTeM.
62. Selain itu, usaha menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi di sana menonjolkan keazaman UTeM dalam meningkatkan pasaran dan kehadiran universiti di rantau tersebut.

## **AI untuk Rakyat:**

63. Saya ingin berkongsi satu inisiatif yang sangat penting dalam meningkatkan kemahiran dan kesedaran teknologi dalam kalangan penjawat awam. Program pembelajaran 'AI Untuk Rakyat' yang diumumkan baru-baru ini adalah satu langkah progresif untuk memastikan penjawat awam kita sentiasa relevan dengan kemajuan teknologi masa kini.
64. Inisiatif ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada penjawat awam, tetapi juga **membantu meningkatkan kecekapan dan kebolehan mereka dalam mengadopsi teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk faedah rakyat.**
65. Saya menyeru kepada semua warga UTeM untuk memberikan sokongan sepenuhnya dan menjayakan inisiatif 'AI Untuk Rakyat' ini. Mari bersama-sama menjadi penggerak utama dalam mewujudkan sebuah masyarakat pengetahuan yang proaktif dan dinamik.
66. Pergunakanlah peluang ini untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang teknologi AI agar kita dapat terus menyumbang kepada pembangunan negara dalam era digital ini.

## **BERPIJAK DI BUMI**

67. Dalam merentas pencapaian gemilang tahun 2023 yang membawa kita 'menggapai langit', jangan kita terlupa untuk 'berpijak di bumi' tempat kita bermula. Di tengah kejayaan, marilah kita pasangkan nilai kesetiaan kepada setiap individu kakitangan, yang dengan penuh dedikasi bekerja keras untuk kemajuan universiti.

68. Menyelusuri tahun 2023, saya telah menyaksikan terdapat pelbagai keperluan kebajikan staf yang boleh ditambahbaik. Melalui input yang telah diperoleh sewaktu sesi kesidang yang telah dijalankan pada tahun 2022, terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dilakukan pada tahun 2023.
69. Walaubagaimanapun saya memahami bahawa kesemua penambahbaikan tersebut masih tidak cukup dan insyallah pihak pengurusan akan sentiasa menambahbaik perkara tersebut dari semasa ke semasa. Untuk tahun 2024, terdapat beberapa inisiatif yang telah kita rancang untuk dijalankan.
70. Pertama, pihak pengurusan sentiasa mendengar kepada keluhan daripada warga UTeM berkaitan kos perubatan yang semakin meningkat. Ini telah memberi kesan secara langsung terhadap kewangan staf. Alhamdulillah bagi tahun 2023 kita telah memperkenalkan **subsidi bagi rawatan gigi berjumlah RM300.00 setahun untuk setiap staf**.
71. Bagi tahun ini pula, pihak pengurusan telah bersetuju untuk meningkatkan kadar klinik panel daripada **RM50.00 kepada RM80.00 bagi setiap sesi rawatan**. Kadar siling per staf dan tanggungan adalah RM1,200.00 untuk tempoh setiap tahun. Diharapkan melalui kenaikan kadar ini sedikit sebanyak akan membantu staf-staf UTeM semua dari segi kos perubatan.
72. Kedua, anak-anak merupakan tanggungjawab yang perlu disandang oleh setiap ibu-bapa. Kami sedar untuk memastikan tanggungjawab di tempat kerja dipenuhi, terdapat keperluan untuk menghantar anak-anak kecil ke taska. Kos taska yang semakin meningkat pula telah menyebabkan satu beban kepada staf terutama mereka yang mempunyai ramai anak kecil.
73. Oleh yang demikian, UTeM sedang di dalam usaha untuk mendapatkan kelulusan pemberian **subsidi bagi seorang anak**

**berjumlah RM180.00 kepada staf UTeM yang menghantar anak ke Taska UTeM.** Subsidi ini diharapkan akan dapat meringankan kos taska yang perlu dibayar oleh staf UTeM.

74. Ketiga, mobiliti atau mudah untuk bergerak merupakan satu aspek yang sangat dititikberatkan oleh pengurusan universiti dalam memastikan produktiviti. Oleh kerana terdapat staf yang sentiasa perlu berada di luar pejabat, terdapat keperluan peralatan elektronik komputer mudah alih (laptop) bagi memudahkan tugasan untuk dilakukan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.
75. Oleh yang demikian, UTeM telah meluluskan **subsidi RM 2,500.00 bagi pembelian komputer/laptop kepada staf gred 41 dan ke atas.** Subsidi ini adalah bagi tempoh setiap 4 tahun. Walaubagaimanapun, bagi staf yang memilih untuk menggunakan kemudahan subsidi ini, kemudahan desktop sedia ada perlulah diserahkan semula kepada UTeM.
76. Bukan itu sahaja, untuk memastikan segala tugasan dapat dijalankan dengan pantas dan produktif, pihak pengurusan telah meluluskan peruntukan bagi **mengganti 602 buah unit PC usang** dan proses perolehan sedang dilakukan. Insyaallah pada awal tahun ni kebanyakan staf UTeM akan dapat menikmati kemudahan PC baru ini untuk menggantikan PC lama yang sering mengalami masalah.
77. Bukan itu sahaja, berdasarkan kepada keperluan dan permintaan daripada staf UTeM, pihak pengurusan telah berbincang dan bekerjasama dengan pihak Koperasi UTeM Berhad untuk mempelbagaikan dan menambahbaik lagi kemudahan pinjaman yang disediakan. Antaranya adalah **memperkenalkan pinjaman peribadi dengan jumlah maksimum RM10,000.00 dengan terma dan syarat.**

- 78.Terdapat pelbagai lagi inisiatif yang sedang dirancang bersama dengan Koperasi UTeM Berhad yang semestinya akan membantu staf UTeM yang memerlukan. Oleh yang demikian, saya ingin **menyeru staf-staf UTeM semua untuk mendaftar sebagai ahli koperasi.**
- 79.Pihak pengurusan juga tidak melupakan pelajar yang menjadi pemegang taruh utama di UTeM. Melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), keselamatan dan kebajikan pelajar sentiasa menjadi aspek utama. Oleh yang demikian bagi tahun 2024, terdapat beberapa inisiatif kebajikan pelajar yang telah dirancang untuk dilaksanakan.
- 80.UTeM sentiasa mengambil berat terhadap pelajar yang mempunyai masalah kewangan untuk menyambung pelajaran. Sepanjang saya berkhidmat sebagai Naib Canselor, terdapat pelbagai kes di mana pelajar tidak menerima tawaran untuk menyambung pengajian di UTeM kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga.
- 81.Oleh yang demikian, UTeM telah mewujudkan **Basiswa Kesidang berjumlah RM10 juta** khas bagi pelajar yang mempunyai masalah kewangan untuk menyambung pelajaran. Biasiswa ini bukan bertujuan untuk membantu pelajar tempatan semata-mata, tetapi juga turut melibatkan pelajar antarabangsa terutama mereka-mereka yang datang dari negara bergolak.
- 82.Diharapkan melalui pengwujudan biasiswa ini akan dapat menarik lebih ramai warga tempatan dan antarabangsa untuk menyambung pengajian di UTeM.
- 83.Bukan itu sahaja, **Program Anak Emas UTeM diteruskan dengan sasaran seramai 11 orang pelajar** dari kalangan miskin tegar akan menerima bantuan pembelajaran sepenuhnya yang merangkumi pembentukan yuran pengajian dan juga elaun sara hidup.

84.Selain itu, Bahagian Kebajikan HEPA akan bekerjasama dengan pihak Bahagian Pembangunan Akademik (BPA) untuk mengenalpasti pelajar sedia ada yang berkelayakan sebagai calon penerima Program SULUNG selain dari penerimaan senarai nama pelajar baharu yang berkelayakan dari pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar KPT. Bagi tujuan tersebut, seramai **133 orang pelajar akan menerima bantuan di bawah Program SULUNG ini.**

85.Kebajikan pelajar juga turut dijaga melalui pemberian bantuan dalam bentuk **food bank, zakat, TUAH Food Care@Campus, Menu Siswa Rahmah** dan lain-lain platform yang akan diusahakan dari semasa ke semasa.

86.Oleh yang demikian, saya mohon kepada staf-staf untuk turut sama mengenalpasti pelajar-pelajar susah yang memerlukan bantuan dan disalurkan kepada TNC HEPA untuk tindakan seterusnya. Kita akan cuba sedaya upaya bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan dalam usaha untuk memastikan mereka dapat menjalani proses pembelajaran yang selesa.

87.Bukan itu sahaja, melalui sesi Kesidang Mas bersama pelajar yang telah berlangsung pada 16 Januari yang lalu, saya telah mendapatkan input berkenaan dengan permasalah yang dihadapi oleh pelajar. Hasil daripada sesi tersebut, beberapa inisiatif penambahbaikan telah diluluskan dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat iaitu:

- I. Pembaikan lantai gelanggang tenis dan futsal serta pagar penghadang gelanggang futsal di Kompleks Sukan UTeM
- II. Naik taraf fasiliti gelanggang petanque dan padang bola sepak B di Kolej Kediaman Lestari
- III. Pembelian mesin *rowing* bagi tujuan latihan pelajar

88.Bukan itu sahaja, pihak pengurusan turut sedang merancang inisiatif-inisiatif lain seperti yang telah dikeutarakan sewaktu sesi Kesidang tersebut. Antaranya adalah:

- I. Mewujudkan kemudahan *wall climbing* yang baru
  - II. Mewujudkan pusat latihan bagi aktiviti kesenian dan kebudayaan
  - III. Keutamaan kepada pelajar badan beruniform untuk mendiami kolej kediaman
89. Walaubagaimanapun, seperti yang saya maklumkan, segala pelaksanaan adalah mengikut proses yang telah ditetapkan. Insyaallah dengan sedikit masa, kami akan cuba untuk memenuhi permintaan daripada pelajar untuk memastikan suasana dalam kampus yang lebih kondusif.
90. Secara rumusannya, kita berpijak pada bumi dengan tulus ikhlas, mengingati bahawa tanah tempat kita berpijak itulah yang memberikan kekuatan kepada setiap langkah kejayaan kita.
91. Janganlah kita lupa bahawa kebesaran sebuah institusi tidak hanya diukur daripada puncak pencapaian, tetapi juga dari nilai-nilai yang kita bawa bersama.
92. Bersama-sama, kita bina keunggulan universiti ini sambil sentiasa memelihara akar kita yang terpendam di bumi yang kita panggil 'rumah'.
93. Terima kasih kepada semua kakitangan yang setia dan berdedikasi.
94. Mari bersama-sama terus berkarya untuk masa depan yang lebih cemerlang.

UTeM menggapai langit cemerlang,  
Tidak lupa dimana bumi dipijak,  
Terima kasih semua para kakitangan  
Tahun 2024 kita terus melonjak!

95. Sebelum mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin kongsikan sesuatu kepada anda semua.

*96. Kita memang tak mampu untuk puaskan hati semua orang. Bukan tak mampu tapi memang takkan boleh. Pasti ada yang membenci, Tapi kita kena ingat, dalam yang membenci pasti ada yang menyayangi.*

*97. Maka hiduplah dengan hati yang sabar. Orang nak mengata, diam. Orang nak fitnah, abaikan. Orang nak membawang, lantaklah. Orang nak menghina, biarlah.*

*98. Biarkan semuanya berlalu dan jangan simpan dalam hati. Teruskan berdoa semoga Allah sentiasa memberikan kebahagiaan buat semua supaya tiada kebencian dalam hati mereka. Dan ingat, tetaplah menjadi baik walaupun kita tidak dilayan dengan baik.*

*99. Ternyata untuk berjaya bukan senang. Andainya senang, sudah tentu orang yang paling malas dalam kalangan kita juga akan berjaya. Kejayaan tidak akan mencarimu, sebaliknya engkaulah yang perlu berusaha untuk meraih kejayaan itu.*

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh.